

21/03/1998

Nilai modal BSKL mula mengukuh

Azizi Othman

JUMLAH nilai permodalan pasaran dan Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kini mula mencatat aliran kenaikan yang kukuh selepas jatuh mendadak sepanjang 1997.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Dr Munir Majid, berkata sejak permulaan 1998 hingga sekarang, jumlah permodalan pasaran di BSKL naik 29 peratus atau RM101.5 bilion (AS\$28.1 bilion).

Menurutnya, Indeks Komposit BSKL yang menjadi angka tunjuk utama pasaran pula mencatat kenaikan kira-kira 18 peratus sepanjang tempoh dua bulan setengah yang lalu.

Beliau berkata, kenaikan kedua-dua angka tunjuk itu mencerminkan pemulihan stabil di pasaran saham tempatan selepas terjejas teruk berikutan kegawatan ekonomi negara.

Dr Munir berkata demikian kepada Berita Harian selepas membentangkan kertas kerja bertajuk 'Peluang Dalam Pasaran Modal dan Kewangan Malaysia' pada Forum Perniagaan Malaysia-Jerman di Hanover, kelmarin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan ucap utama pada forum sehari itu yang dihadiri hampir 200 pemimpin perniagaan terkemuka dari Jerman dan Malaysia.

Munir berkata, jumlah permodalan pasaran di BSKL merosot 68 peratus atau kira-kira RM750 bilion (AS\$212 bilion) pada 31 Disember 1997 berbanding setahun sebelumnya.

Menurutnya, pada akhir tahun lalu, permodalan pasaran di BSKL hanya berjumlah RM340 bilion (AS\$97 bilion) berbanding RM1,081 bilion yang dicatatkan pada Disember 1996.

Beliau berkata, berikutan kejatuhan itu, Indeks Komposit BSKL yang menjadi angka tunjuk utama pasaran juga menjunam 52 peratus sepanjang 1997 berbanding kenaikan 26 peratus setahun sebelumnya.

"Berikutan kenaikan semula yang menunjukkan aliran positif itu, SC dan kerajaan akan sentiasa berusaha meningkatkan lagi keberkesanan operasi pasaran modal dan kewangan.

"Langkah itu dilaksanakan sejajar usaha mengembalikan dan mengukuhkan keyakinan pelabur tempatan serta asing, sekali gus membuktikan bahawa peluang pelaburan di pasaran modal Malaysia masih baik," katanya.

Dalam menjayakan usaha itu, katanya, SC akan memberi tumpuan kepada beberapa aspek yang sudah dikenal pasti penting untuk memastikan kewibawaan BSKL sebagai pasaran bertaraf antarabangsa kekal terpelihara.

"Antara yang akan diberi tumpuan ialah aspek pengurusan kecairan kewangan, risiko sistem, keselamatan, penjelasan, penyelesaian dan kepentingan pelabur serta syarikat," katanya.

(END)